



## KONVOKESYEN KE 9,2007 : GRADUAN SPE ANTARA PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG

**K**onvokesyen kali ke 9, yang diadakan pada 2-4 September 2007 menyaksikan 514 graduan dari Sekolah Perniagaan Et Ekonomi menerima skrol masing-masing. Jumlah ini termasuk penerima ijazah PHd, MBA, MHCM serta graduan yang mengikuti program pengajian luar kampus serta program luar franchise dengan Kolej PTPL Shah Alam. Graduan SPE menerima skrol yang disampaikan oleh Pro-Canselor Tan Sri Yeoh Tiong Lay pada sesi pertama hari kedua. Konvokesyen kali ini juga menyaksikan salah seorang pelajar SPE, Ivan Teoh Choo Choon menerima Anugerah Pingat Emas Alumni atas pencapaian akademik yang cemerlang sepanjang pengajiannya. Bagi konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 10 orang pelajar menerima Ijazah Kelas Pertama. Pelbagai aktiviti turut diadakan sepanjang berlangsungnya konvokesyen kali ini dengan pelancaran Pesta Tamu Gadang selama seminggu yang dipenuhi dengan aktiviti jualan, pameran akademik serta pelbagai aktiviti sampingan lain yang memeriahkan lagi pesta konvokesyen kali ini. Para ibubapa yang ditemui semasa pesta konvokesyen turut melahirkan rasa gembira menyaksikan anak mereka menerima ijazah masaing-masing. Selain itu para ibubapa turut memuji kecantikan kampus UMS yang dipenuhi dengan tumbuhan hijau dan lanskap yang memukau. Malah sesetengahnya mengesyorkan agar kampus UMS dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancongan di Sabah.